

# Tidak jadi masalah tanding 2 jawatan — Mahathir

UM 26 MAY 1981

JASIN 25 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tidak menjadi sebarang masalah kalau calon-calon yang bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO bertanding untuk dua jawatan.

Tapi syaratnya kenalah kedua-dua sekali berbuat demikian.

"Jangan pula kemudian seorang tarik diri, seorang tidak, ini susah sikitlah," katanya.

Beliau menambah sambil bergurau: "Kita hendak jaga kedua-dua calon itu kerana mereka cekap-cekap dan pandai-pandai."

Timbalan Perdana Menteri berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Jasin di sini hari ini, calon Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam hadir sama dalam upacara tersebut atas sifatnya sebagai Ketua Perhubungan UMNO Melaka. Bagaimanapun beliau tidak berucap.

Ditanya kemudian sama ada beliau ada berunding mengenai perkara tersebut dengan Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak perlu berbuat demikian.

"Saya cuma membayangkan sahaja kepadanya, begitu juga kepada Datuk Musa," tambahnya.

Datuk Musa yang berada di sebelah Datuk Sri Dr. Mahathir, ketawa besar mendengar kata-kata Timbalan Perdana

OLEH: KHALID MOHD.

Menteri.

Ditanya pula sama ada mana-mana calon yang telah menghubunginya mengenai saranan beliau supaya mereka bertanding dua jawatan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Saya tidak menghairkan mereka datang menemui saya untuk memberitahu sama ada mereka akan berbuat demikian atau tidak. Jika mereka ingin berbuat demikian me-

reka hendaklah memberitahu Ibu Pejabat UMNO.

"Saya bukannya mengarahkan sesiapa, hanya sekadar menyampaikan saranan saya sahaja," katanya.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, beliau sendiri bertanding bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, "tetapi ini tidaklah berarti jika saya mendapat undi banyak bagi kedua-

nya, saya akan bolot kedua-dua sekali."

Katanya: "Kalaupun tidak ada orang lain tanding jawatan Presiden, tentu saya menang, jadi kalau saya menjadi Presiden, takkanlah pula bila saya mendapat undi

terbanyak bagi jawatan Timbalan Presiden, maka saya hendakkan jawatan kedua itu juga. Sambil berseloroh beliau menambah: "Dan

kalau hendak ikut tradisi dan adat kita maka saya layak menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Maka tamatlah segala cita-cita yang ada dalam dada orang lain."

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap, pemilihan pemimpin dalam Perhimpunan Agung bulan depan akan berjalan mengikut tradisi parti dan bersih dari segala perbuatan yang tidak diinginkan.

Beliau mengingatkan, setiap ahli UMNO hendaklah jangan sekali-kali menggunakan ancaman dalam keghairahan masing-masing mencari kemenangan untuk calon-calon yang mereka sukai.

Katanya, beliau ada mendengar cerita-cerita tentang ancaman ke atas orang-orang yang tidak menyokong seseorang calon yang menjadi pilihan orang-orang tertentu.

Menurut beliau, antara ancaman itu termu-

suk kemungkinan penyokong-penyolong tertentu itu akan kehilangan jawatan dalam parti kerajaan ataupun kabinet.

Dalam hubungan ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau akan pastikan perkara tersebut tidak berlaku.

"Selagi UMNO yang memerintah dan dengan sedikit-sebanyak kuasa yang ada pada saya dalam parti, segala ancaman seperti itu tidak akan berlaku," tegasnya.